

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
Hari/Tarikh: 16/11/2016
Muka surat: 7

Tajuk : Lahir graduan diperlukan pasaran kerja

Lahir graduan diperlukan pasaran kerja

Wujud Joint Academia-Industry Council bincang keperluan industri: Jabu

Oleh Jessica Jawing

KOTASAMARAHAN: Universiti awam termasuk Univesiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) disaran mewujudkan satu *Joint Academia-Industry Council* bagi membincangkan keperluan pihak industri dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pro Canselor UNIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, ia boleh dimanfaatkan oleh universiti dari segi penyesuaian kandungan kurikulum setiap program.

“Usaha ini dapat memastikan universiti melahirkan graduan yang bercirikan kehendak pasaran masa kini.

“Dialog antara industri dan akademia perlu terus mantap dan dinamik agar pembangunan negara sentiasa diberi nafas baharu,” katanya ketika berucap pada Sidang Kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 yang dihadiri Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi di sini, semalam.

Jabu berkata dengan demikian ia menjadi persediaan kepada graduan sejurus tamat pengajian ke alam pekerjaan serta kebolehpasaran mereka.

Bagaimanapun bagi graduan juga kata beliau, apabila melangkah ke alam pekerjaan, mereka harus ingat bahawa di luar adalah sangat mencabar yang bukan hanya memerlukan ilmu

“Usaha ini dapat memastikan universiti melahirkan graduan yang bercirikan kehendak pasaran masa kini.”

Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang
Pro Canselor UNIMAS

pengetahuan tetapi kemahiran insaniah.

“Kemahiran komunikasi terutama sekali bahasa Inggeris akan menjadi kelebihan anda dalam menyusuri kejayaan dalam kerjaya pilihan anda.

“Maka itu saya menyarankan supaya graduan UNIMAS menguasai Bahasa Inggeris demi mengurangkan cabaran berkomunikasi dalam alam pekerjaan yang kian pesat, kompleks dan global ini,” tegasnya.

Jabu berkata, pada masa yang sama alumni memainkan peranan penting untuk memacu pencapaian UNIMAS supaya lebih menonjol di persada global.

Sehubungan itu graduan disaran menyumbang kembali kepada universiti sebagai tanda terima kasih kepada pensyarah yang mendidik sehingga melahirkan mereka sebagai graduan berjaya.



TAHNIAH: Jabu menyampaikan skrol ijazah kepada graduan yang menerimanya pada Sidang Kedua Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 semalam.

Selain itu beliau menyeru setiap keluarga untuk menghantar sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga ke program pengajian sarjana muda.

“Kini sudah ada peluang baharu untuk mereka yang lama bekerja untuk melanjutkan pengajian di universiti tempatan iaitu melalui pendekatan terbaharu, ‘Accreditation of

Prior Experiential Learning’ atau ‘APEL’.

“Ia memberi laluan kepada rakyat Malaysia untuk mendekati pengajian tinggi, yang sesuai untuk mereka yang masih belum mempunyai ijazah, untuk belajar menggunakan kredit pembelajaran yang akan diwajibkan berdasarkan pengalaman bekerja masing-masing,” katanya.

Beliau turut kagum dengan kewujudan UNIMAS sejak 25 tahun, yang telah menarik 700 pelajar antarabangsa daripada 50 negara.

“Pilihan ini menggambarkan bahawa bukan sahaja UNIMAS yang terus relevan tetapi kestabilan politik dan keharmonian pelajarannya yang menggambarkan 1Malaysia,” kata Jabu.